



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD

YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

**UCAPAN ALUAN PROGRAM TAKLIMAT LATIHAN
“INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0”**

9 OKTOBER 2017 (ISNIN)

9.00 PAGI

BERTEMPAT DI AUDITORIUM, IBU PEJABAT MPSP

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng,

Ketua Menteri Pulau Pinang,

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua - ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai MPSP

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - rakan Media

Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya, dapat kita berkumpul bersama pada hari ini untuk mendengar taklimat daripada *Penang Skills Development Center (PSDC)* mengenai *Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)* yang hangat diperkatakan sejak kebelakangan ini. Justeru, MPSP mengambil inisiatif mengorak langkah dengan menganjurkan satu program taklimat kepada semua Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai MPSP supaya kita tidak tercicir ke belakang akibat perubahan teknologi yang makin memuncak sekarang ini.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng kerana sudi melapangkan waktu untuk bersama-sama dengan kita hari ini bagi menyokong usaha murni ini. Tidak lupa juga rakaman jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada PSDC, semua yang hadir dan pegawai yang berada di belakang takbir yang telah menjayakan program taklimat ini.

YAB Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

IR 4.0 telah diperkenalkan oleh YAB Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng kepada semua peserta semasa Majlis Pelancaran Penang STEM

Sdn. Bhd. pada 29 Julai 2017 di Main Concourse, Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya [*STEM stands for Science, Technology, Engineering and Mathematics*]. MPSP dengan pantas menyambut saranan ini dan pada sesi yang sama saya terus berbincang dengan Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer*) Penang Skill Development Centre (PSDC), Encik Muhamed Ali Bin Hajah Mydin untuk mendapat khidmat nasihat dan memberi latihan kepada Pengurusan Atasan serta Ahli-Ahli Majlis MPSP.

Alhamdulillah, urusan kemudiannya menjadi mudah kerana saranan IR 4.0 datangnya dari seorang Ketua Menteri yang jujur yang mahu melihat kecemerlangan di dalam pencapaian perkhidmatan, lonjakan ekonomi yang mampan dan seterusnya membawa kemakmuran kepada rakyat. Saya juga bersyukur kerana mempunyai Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha, pasukan Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah yang sentiasa terbuka mindanya untuk melakukan transformasi digital berasaskan IR 4.0.

YAB Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MPSP adalah sebuah PBT yang tidak mahu ketinggalan dalam mengejar arus anjakan teknologi yang begitu pantas. Justeru itu, program taklimat ini merupakan latihan pengenalan untuk kita memahami IR 4.0

dan mengatur pelan tindakan yang bersesuaian bagi pelaksanaan IR 4.0 di Seberang Perai. Cabaran yang besar bagi pengurusan MPSP adalah untuk menyesuaikan IR 4.0 yang telah berjaya dalam sektor pembuatan (*smart factory*) ke sektor perkhidmatan seperti MPSP. Walau bagaimanapun, saya yakin cabaran ini boleh diatasi melalui “*Unlocking the Power of Partnership*” melalui 7P, *People, Public, Private, Philanthropy, Philosophy, Planet, Partnership* yang akan menjadi rangka kerja efektif untuk melaksanakan transformasi digital. Kerjasama PSDC, memberi perkhidmatan secara percuma kepada Ahli-Ahli Majlis dan Pengususan Atasan MPSP adalah contoh yang jelas dalam rangka kerja 7P ini. Penerokaan *Industrial Revolution* 4.0 ke dalam sektor perkhidmatan akan melibatkan penggunaan *Internet of Things* (IoT), *Big Data Analytics*(BDA), *Cloud Computing* dan *Cognitive Computing* secara meluas. YAB Ketua Menteri, hari ini adalah permulaan penerokaan sistem komunikasi *Cyber Physical* yang pertama kali yang diadakan di peringkat PBT di seluruh Malaysia dan sekali lagi “*Penang Leads*”.

YAB Tuan, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya dimaklumkan yang modul latihan yang akan digunakan pada hari ini oleh PSDC ialah:

- i. *Introduction to IR 4.0*
- ii. *Differences Between 3.0 and 4.0*
- iii. *Overview Core Elements and Technology IR 4.0*
- iv. *Socio Technology Development and Consequences*
- v. *Industry 4.0 Business Models and creating New Business Ideas*
- vi. *Strategies to Implement Industries 4.0*
- vii. *Competency Development Industry 4.0*
- viii. *Change Management Industry 4.0*

Oleh itu, dengan taklimat pada pagi ini, saya berharap agar ianya dapat memberi manfaat kepada kita semua dan sedikit sebanyak memberikan gambaran kepada kita untuk halatuju Pelan Strategik Seberang Perai 2018-2022 dan Fokus MPSP 2018. Pada saya kedua-dua dokumen ini perlu bergerak seiring dengan arus teknologi masa kini.

Kita sudah tidak boleh bekerja dalam keadaan mengikut cara dulu, atau menggunakan kaedah lama atau kaedah yang mana kita sudah selesa. Kita juga tidak boleh takut akan perubahan kerana beranggapan ianya akan menyusahkan. Saya berharap agar tanggapan seperti itu harus dikikis. Jika kita ingin maju ke hadapan, kita perlu sentiasa bersedia

dengan perubahan dan sebarang kemungkinan kerana teknologi tidak akan menunggu kita dan cabaran sentiasa ada jika ingin berjaya.

Saya yakin dan percaya yang semua Ahli Majlis, Ketua- Ketua Jabatan, Pegawai Pengurusan Atasan dan Kakitangan MPSP telah bersedia untuk mendengar taklimat dan memikirkan pelan-pelan tindakan yang perlu dibuat untuk menambahbaik khidmat kita sebagai Pihak Berkuasa Tempatan kepada rakyat. Jangan lepaskan peluang yang ada ini sekiranya ada sebarang kemosykilan atau pertanyaan, saya rasa PSDC sedia membantu.

Sekian, terima kasih dan Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.....